



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

NOTIS KEPUTUSAN TAWARAN SEBUT HARGA BERAS LUCUT HAK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ZON TENGAH UNIT III LTA KL BIL. 1/2025

1. Jawatankuasa Sebut Harga Unit III LTA KL telah bersidang untuk membuat penilaian dan keputusan kepada Sebut Harga beras Bil. 1/2025. Tujuan mesyuarat adalah seperti berikut:
 - a. Memutuskan penyebut harga yang berjaya; dan
 - b. Menentukan kedudukan ke atas lot-lot kenderaan/barang yang tidak mendapat sebarang tawaran.
2. Perakuan dan keputusan bagi penyebut harga yang berjaya adalah seperti di **Lampiran A**.
3. Syarat-syarat tawaran kepada penyebut harga yang berjaya adalah seperti berikut:
 - a. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki membuat pembayaran sepenuhnya dalam tempoh 7 (tujuh) hari bermula dari tarikh notis pemakluman berjaya dalam tawaran untuk Sebut Harga beras Bil. 1/2025 yang dikeluarkan oleh JKDM Unit III LTA KL.


- b. Deposit sebut harga tidak akan dikembalikan jika penyebut harga yang berjaya gagal membuat pembayaran sepenuhnya atau menarik semula tawarannya dalam tempoh yang telah ditetapkan;
- c. Bagi lot-lot yang terdapat penyebut harga pertama berjaya, kedua berjaya dan ketiga berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga kedua berjaya jika penyebut harga pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya, jika penyebut harga kedua berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga ketiga berjaya;
- d. Bagi lot-lot yang terdapat penyebut harga berjaya pertama dan kedua berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga kedua berjaya jika penyebut harga pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan;
- e. Bagi lot-lot yang terdapat satu penyebut harga berjaya sahaja, lot-lot kenderaan/barang berkenaan hendaklah disebut harga semula jika penyebut harga yang berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan.
- f. Kenderaan/barang yang ditawarkan hendaklah diambil dan dikeluarkan dari stor / kawasan Kastam tidak lewat 7 (tujuh) hari daripada tarikh pembayaran penuh dijelaskan; dan

- g. Penyebut harga yang berjaya tidak dibenarkan membuat kerja-kerja servis atau pembaikan kenderaan/barang berkenaan di dalam stor / kawasan Kastam.
- h. Semua perbelanjaan berkaitan seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(ZULKIFLI BIN MUHAMMAD)
Pengarah Operasi Penguatkuasaan
Zon Tengah

LAMPIRAN A

**PENYEBUT HARGA BERJAYA SEBUTHARGA BERAS LUCUT HAK
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA UNIT III LTA KL BIL.1/2025**

LOT	JENIS DAGANGAN	HARGA SIMPANAN	NO.SIRI PENYEBUT HARGA	HARGA TAWARAN	KEPUTUSAN
STOR PENGUATKUASAAN JKDM LTA KL (LOT 1)					
1	BERAS	RM 51,030.00	1/1/1	RM 47,880.00	1